

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 27 Mei 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN SUKU TAHUN KEDUA 2025

Sentimen perniagaan kekal optimistik pada suku kedua 2025, dicerminkan oleh petunjuk keyakinan positif +2.0 peratus.

PUTRAJAYA, 27 MEI 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Kedua 2025**. Penerbitan ini memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi tiga dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan. Buat pertama kalinya, penerbitan ini menampilkan petunjuk keyakinan mengikut negeri, yang memberikan gambaran sentimen perniagaan di peringkat negeri.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Peniaga terus menjangkakan persekitaran perniagaan yang menggalakkan pada suku kedua 2025, disokong oleh petunjuk keyakinan yang positif +2.0 peratus, yang mencerminkan sentimen optimistik berterusan berbanding +3.2 peratus pada suku sebelumnya" **(Paparan I)**.

Perkhidmatan, Pembinaan dan Industri merupakan sektor yang menjangkakan keadaan perniagaan yang stabil pada suku kedua 2025. Keyakinan dalam sektor Perkhidmatan kekal positif dengan petunjuk keyakinan +6.9 peratus, berbanding +13.5 peratus pada suku sebelumnya. Pada masa yang sama, sentimen dalam sektor Pembinaan kekal menggalakkan dengan +4.6 peratus berbanding +12.5 peratus pada suku pertama 2025. Sementara itu, sektor Industri terus menunjukkan prospek perniagaan yang optimistik dengan petunjuk keyakinan meningkat kepada +1.9 peratus berbanding +0.2 peratus pada suku sebelumnya. Sebaliknya, sentimen dalam sektor Perdagangan Borong dan Runcit menunjukkan keadaan pesimis, dengan petunjuk keyakinan -6.7 peratus pada suku kedua 2025 daripada -8.1 peratus sebelumnya **(Paparan II)**.

Dalam perspektif prospek perniagaan mengikut negeri pada suku kedua 2025, petunjuk keyakinan menunjukkan prestasi yang bercampur dalam kalangan negeri-negeri di Malaysia. Negeri yang mencatatkan sentimen optimis adalah Johor (+1.5%), Kedah (+4.3%), Perlis (+3.5%), Terengganu (+18.0%), W.P. Kuala Lumpur (+0.9%) dan W.P. Putrajaya (+3.7%). Namun begitu, sebahagian besar negeri menunjukkan sentimen pesimis, iaitu Kelantan (-7.8%), Melaka (-2.0%), Negeri Sembilan (-1.2%), Pahang (-4.5%), Pulau Pinang (-5.1%), Perak (-6.3%), Selangor (-1.2%), Sabah (-0.3%), Sarawak (-2.9%) dan W.P. Labuan (-3.9%) seperti yang digambarkan dalam **(Paparan III)**.

Melihat ke hadapan untuk tempoh April hingga September 2025, tinjauan perniagaan secara keseluruhan terus mencerminkan sentimen yang positif dengan imbalan bersih sebanyak +10.9 peratus, berbanding +11.9 peratus yang direkodkan sebelum ini **(Paparan IV)**. Sentimen dalam sektor Perkhidmatan kekal kukuh dengan imbalan bersih +18.3 peratus, sejajar dengan suku sebelumnya. Sektor Pembinaan menjangkakan prospek yang optimistik dengan imbalan bersih +13.1 peratus berbanding +12.5 peratus bagi tempoh yang sama. Begitu juga, sektor Industri menjangkakan keadaan perniagaan yang menggalakkan dengan petunjuk keyakinan meningkat kepada +12.0 peratus daripada +6.8 peratus sebelum ini. Sebaliknya, sektor Perdagangan Borong dan Runcit mencerminkan sentimen yang lebih berhati-hati dengan

merekodkan tahap keyakinan yang sederhana terhadap jangkaan perniagaan bagi enam bulan akan datang (**Paparan V**).

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 MEI 2025


Paparan I: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2022 – 2025




Paparan II: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan Mengikut Sektor, Malaysia, 2024 – 2025



Paparan III: Petunjuk Keyakinan Negeri bagi Suku Tahun Kedua 2025, Malaysia



Paparan IV: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan Bagi Enam Bulan Akan Datang, Malaysia, 2023 – 2025



Paparan V: Imbangan Bersih Suku Tahunan Mengikut Sektor, Malaysia, 2024 – 2025

